



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed (kanan) menerima pesanan barangan pasar sebagai gimik pelancaran yang disampaikan oleh pengasas pasarman.com, Azahari Ahmad, 42 (kiri) pada Majlis Pelancaran Program "Menjana Ekonomi Digital @ pasarman.com di Wisma MPM (Bina Daulah), Jalan Ledang. - Foto NSTP/Aswadi Alias

Pelan Induk Ekonomi Digital diumumkan Oktober

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang merangka Pelan Induk Ekonomi Digital yang akan menggariskan matlamat dan hala tuju dalam memperluaskan penggunaan digital dalam semua sektor ekonomi di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pelan induk itu kini dalam fasa terakhir kajian dan dijangka dapat diumumkan pada Oktober depan.

Katanya, pelan induk itu antara lain akan mencantumkan aspek berkaitan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan ekonomi digital, selain menyelaras semua usaha berkaitan oleh pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.



Disvorkan



Polis tumpas sindiket judi dalam talian, 32 ditahan



Kami maafkan Mohd Asri - Panalima ATM




Raja Arab Saudi 'bercuti' di Laut Merah



33 mati banjir di Niger



Bursa Malaysia pulih, indeks naik 19.78 mata



"Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sudah ada Dasar Industri Nasional 4.0 (Industri4WRD) untuk sektor pembuatan dan mula tahun lalu, kita nak kembangkannya kepada bidang bukan pembuatan.

"Kajian ini sudah hampir siap dan akan mencantumkan IR4.0 dan ekonomi digital dengan matlamat untuk melonjak dan menyelaraskan usaha pelbagai agensi berkaitan.

"Kita sudah laksanakan libat urus dengan pelbagai pihak dan selepas kajian siap, kita akan bentangkan pada kerajaan dan jika diluluskan, kita akan hebahkan kepada umum kira-kira dua bulan dari sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Pelancaran Menjana Ekonomi Digital @ Pasarman.com di Wisma Majlis Perundingan Melayu (MPM) di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, pelan induk itu akan mengambil kira segala usaha merencanakan ekonomi digital yang sudah dijalankan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

"Elemen dalam pelan induk ini sudah ada di beberapa jabatan seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

"Cuma, kita kaji cara untuk memantapkan lagi ekonomi digital, khususnya pasca COVID-19 kerana ia lebih mendesak ketika ini dan usaha mengenainya perlu diselaras dan difokuskan," katanya.

Terdahulu, Mustapa melancarkan pasarman.com, perkhidmatan penjualan dan penghantaran barangan dapur dari pasar, yang diasaskan usahawan, Azahari Ahmad.

Mustapa berkata, usaha usahawan seperti Azahari yang mengaplikasikan ekonomi digital menerusi platform e-dagang dalam memperluaskan perniagaan, khususnya ketika COVID-19, perlu dibantu dan digalakkan.

"Apa yang dilakukan Azahari selari dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan ekonomi digital, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan golongan muda," katanya.

<p>-60%</p> <p>Mode XT Iridescent Trailblazer Women's Trainers Caribbean Sea-Puma White 3</p> <p>RM179 SEE MORE</p>	<p>-54%</p> <p>PUMA x HELLO KITTI Women's Trainers Silver Team Gold 5</p> <p>RM239 SI</p>
<p>-60%</p> <p>BMW M Drift Cat 7S Ultra Trainers Puma Black-Puma Black 7</p> <p>RM159 SEE MORE</p>	<p>-31%</p> <p>Ferrari Future Cat Ultra E Puma Black-Puma</p> <p>RM155 SI</p>
<p>-60%</p> <p>Mode XT Women's Training Trainers Puma White-Puma Black 3</p> <p>RM169 SEE MORE</p>	<p>-60%</p> <p>Sesame Street 50 Juni Sandals Cherry Tomato-3</p> <p>RM65 SI</p>

Popular



Pencetus kluster PUI Sivagangga dipenjarakan lima bulan, denda RM12,000



Nabila diselubungi misteri?



'Saya tidak letak jawatan...'



Ronaldo pindah ke Barcelona?



Asri - Panglima ATM

